

Harga siling telur tempatan rendah berbanding Thailand, Indonesia

PETALING JAYA: Kerajaan dan rakyat perlu menerima hakikat bahawa harga siling telur ayam dalam negara sangat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara terutamanya Thailand dan Indonesia.

Pakar ternakan ayam yang juga bekas pensyarah Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Azhar Kasim berkata, harga telur ayam bagi gred B di Thailand adalah 47 sen sebiji berbanding 43 sen sebiji di Malaysia.

Dalam masa sama, menurutnya, harga telur ayam bagi gred B di Indonesia pula telah meningkat lagi kepada RM8.82 sekilogram sempena hari Natal dan menjelang tahun baharu 2023 berbanding di Malaysia cuma RM6.88 sekilogram.

“Andaian keluhan penternak ayam mengenai kos produksi telur itu benar, maka jika harga telur ayam diunjurkan naik sebanyak lima sen iaitu kepada harga 48 sen sebiji bagi gred B bersamaan RM7.68 sekilogram sekali lipun, ia masih tergolong sebagai sumber protein haiwan paling murah.

“Langkah menaikkan harga telur sebanyak lima sen sebiji akan beri impak besar dalam jangka masa panjang dalam industri ternakan ayam sekali gus meningkatkan bekalan telur dalam negara dan rakyat akan dapat melihat hasilnya dalam lima, enam bulan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, sumber industri telur ayam menggesa kerajaan tidak menerima cadangan menaikkan harga telur kerana bukan hanya menjaskan imej kerajaan, tetapi bakal memberi kesan jangka panjang terhadap kebijakan rakyat.